

## ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian berbentuk perbandingan di antara dua teknik belajar membaca al-Quran iaitu teknik *Iqra'* dan teknik *Al-Baghdadi*. Seramai 60 orang responden dari dua lokasi pengajian yang berbeza dipilih secara rawak mudah dalam kajian ini iaitu dari SK Segambut, Kuala Lumpur dan Al-Baghdadi Training Centre, Kuala Lumpur. Kajian ini bertujuan untuk melihat perbandingan pencapaian pelajar di antara dua teknik belajar asas al-Quran khususnya terhadap teknik *Iqra'* dan teknik *Al-Baghdadi*. Kajian ini juga bertujuan melihat teknik manakah yang lebih berkesan untuk diaplikasikan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran asas bacaan al-Quran terhadap golongan kanak-kanak. Disertasi ini dimulakan dengan sejarah pengajian al-Quran di Malaysia sebelum dan selepas kemerdekaan Tanah Melayu sehinggalah kemunculan dan kemasukan teknik-teknik bacaan al-Quran di Malaysia seperti teknik Baghdadiyyah, Qiraati, Hattawiyyah, al-Barqy, *Iqra'*, Al-Baghdadi dan al-Matien. Seterusnya, penulis memperkenalkan sejarah dan latarbelakang lokasi kajian bagi kajian ini. Penulis turut memperkenalkan serta menghuraikan secara terperinci mengenai kaedah bacaan al-Quran teknik *Iqra'* dan *Al-Baghdadi* terutamanya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bagi menganalisa perbandingan di antara dua teknik bacaan al-Quran yang dikaji, penulis menggunakan soal selidik dan ujian bacaan al-Quran sebagai alat ukuran. Kajian perbandingan yang dilakukan adalah untuk mengenalpasti tahap keupayaan responden menyebut huruf *Hijāiyyah* dan tanda baris, membaca perkataan atau kalimah, membaca ayat al-Quran dan membaca ayat beserta hukum tajwid. Data-data yang diperolehi dikumpulkan dan dianalisis menggunakan *Statistical Package for The Social Sciences* (SPSS) versi 17.0 menerusi metode statistik deskriptif yang merangkumi kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan ujian -t. Kajian ini menolak hipotesis nul yang mengandaikan tidak terdapat perbezaan yang signifikan

pada aras keertian  $p < 0.05$  di antara pelajar teknik *Iqra'* dan pelajar teknik *Al-Baghdadi*.  
Dapatan kajian menunjukkan teknik *Al-Baghdadi* lebih praktikal untuk diaplikasi kepada generasi kanak-kanak hari ini berbanding teknik *Iqra'* dalam usaha untuk memahirkan golongan kanak-kanak membaca al-Quran dengan baik dalam jangka masa yang singkat.